



Rujukan kami : JPK 800-1/1/8 Jld 4 (31)
Tarikh : 24 Jun 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y. Bhg Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

TAKLIMAT PELAKSANAAN PENARAFAN TUNGGAL PROGRAM TVET TAHUN 2021

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang lalu, salah satu bidang fokus yang diberi tumpuan oleh Kerajaan ialah mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri. Antara strategi yang digariskan ialah memperkukuh tadbir urus TVET untuk pengurusan yang lebih baik menerusi pengharmonian sistem penarafan institusi bagi memperbaiki kebolehbandingan. Menerusi strategi ini, pengharmonian sistem penarafan kepada penarafan tunggal TVET yang merentasi institusi TVET awam dan swasta diperkenalkan.

3. Berikutan itu, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) selaku agensi penyelaras telah diberi tanggungjawab di bawah Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12) bagi melaksanakan aktiviti Penarafan Tunggal Program TVET mulai tahun 2021 hingga 2025. Menerusi pelaksanaan Penarafan Tunggal Program TVET ini, semua program TVET yang dilaksanakan oleh pelbagai Penyedia TVET awam dan swasta akan dinilai serta ditarafkan berdasarkan instrumen yang seragam. Ini selaras dengan objektif pelaksanaan Penarafan Tunggal Program TVET seperti berikut:

TAKLIMAT PELAKSANAAN PENARAFAN TUNGGAL PROGRAM TVET TAHUN 2021

- i. Mengharmonikan dan menyelaraskan sistem penarafan bagi mengurangkan *fragmentation* atau ketidakseragaman di kalangan pelbagai agensi TVET;
 - ii. Menilai dan mengukur tahap kualiti program TVET yang dilaksanakan melalui instrumen penilaian yang seragam;
 - iii. Menanda aras program TVET di pelbagai kementerian mengikut tahap penarafan bagi tujuan memberi maklum balas dan meningkatkan kualiti penyampaian latihan; dan
 - iv. Memastikan institusi/penyedia TVET sentiasa mengekalkan Standard TVET yang digariskan dalam *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)* dan kualiti yang dikehendaki.
4. Pelaksanaan Penarafan Tunggal Program TVET ini akan melibatkan program yang mendapat pentauliahan atau akreditasi penuh daripada JPK atau MQA serta masih dalam tempoh pentauliahan. Penyedia TVET akan menjalankan **penilaian sendiri (self-assessment)** dengan meneliti dan melengkapkan **Penilaian Umum dan Penilaian Mengikut Program TVET** bagi Penarafan Tunggal Program TVET secara dalam talian di laman Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Kebangsaan (MySPIKE) yang boleh diakses menerusi <https://www.myspike.my>. **Tempoh penilaian sendiri** ini adalah dari **12 Julai 2021 sehingga 12 Ogos 2021**.
5. Sehubungan itu, satu sesi **taklimat berkaitan Penarafan Tunggal Program TVET** akan diadakan secara dalam talian seperti butiran di **Lampiran 1** dan Senarai Penyedia TVET seperti di **Senarai Edaran**. Penyedia TVET boleh menghantar **dua (2) orang wakil** untuk menyertai sesi taklimat sebagaimana jadual seperti di **Lampiran 1** yang telah ditetapkan.
6. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai berikut –
 - i. Cik Shiadri binti Saleh @ Aman (shiadri@mohr.gov.my) di talian 03-88862331;
 - ii. Puan Nur Aini Syakimah binti Ahmad Shuyuti (email ainisyakimah@mohr.gov.my) di talian 03-88862385;

- iii. En. Mohd. Helmi bin Zainal (mhelmi@mohr.gov.my) ditalian 03-88862336
- iv. Pn. Nazila binti Ismail (nazila@mohr.gov.my) ditalian 03-88865905

Segala kerjasama amat dihargai dan diharapkan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat”

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. HJ ZAIHAN BIN SHUKRI)
Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

**JADUAL TAKLIMAT MENGIKUT SESI
PENARAFAN TUNGKAL PROGRAM TVET TAHUN 2021
SECARA DALAM TALIAN**

Bil	Tarikh Masa	Masa / Sesi	Negeri	Link Taklimat
1.	01/07/2021 (Khamis)	9.00 pagi – 12.00 tengahari (Sesi 1)	Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan	https://us02web.zoom.us/j/87086260569? pwd=MDE1dE5VdWY3SWxFTk05a05RVDM0QT09 Passcode: 258241
		2.30 pagi – 5.30 petang (Sesi 2)	Perak, Perlis & Pulau Pinang	https://us02web.zoom.us/j/87402338144? pwd=OFpkNmtnNXBIVzB0UWt1Vm1Fa04rdz09 Passcode: 789420
2.	02/07/2021 (Jumaat)	9.00 pagi – 12.00 tengahari (Sesi 3)	Selangor & Putrajaya	https://us02web.zoom.us/j/84074370984? pwd=Y1pIMGVsaGpENkVUdndDVUJjd2pRdz09 Passcode: 617205
		2.30 petang – 5.30 petang (Sesi 4)	Pahang, Sabah, Labuan & Sarawak	https://us02web.zoom.us/j/82036878155? pwd=cjZBWS9DL3hkQktVNHIvUXBSaWpydz09 Passcode: 223210
3.	04/07/2021 (Ahad)	9.00 Pagi – 12.00 tengahari (Sesi 5)	Johor	https://us02web.zoom.us/j/82615206676? pwd=UXQyN2pqZEs1eHYwSTZVMnlpnNUUT09 Passcode: 331421
		2.30 Petang – 5.30 petang (Sesi 6)	Kelantan, Terengganu & Kedah	https://us02web.zoom.us/j/82450133958? pwd=bm1JUHFEGQWw1VVIyeTF2anI4WC9Ndz09 Passcode: 236560